KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 03/12/2021 (JUMAAT) | MUKA SURAT | : | 30 |
| JABATAN | : | SURUHANJAYA TENAGA | | | |

BH 3.12.2021_30

# Techna-X raih manfaat penyimpanan tenaga

**Techna-X** Bhd menjangkakan permintaan terhadap penyimpanan tenaga akan meningkatkan sumbangan keuntungan bersihnya kepada kira-kira 20 peratus pada tahun kewangan 2022 berbanding kurang daripada lima peratus pada masa ini.

Pengarah Eksekutifnya, Datuk Jared Lim, berkata peningkatan kapasiti akan memacu pertumbuhan segmen terbabit, meletakkan kedudukan syarikat untuk menjadi satu-satunya pembuat produk dan penyelesaian penyimpanan tenaga rutenium di dunia.

Techna-X sedang menjalani proses transformasi untuk mencerminkan perniagaan baharu bagi penyelesaian penyimpanan tenaga dan digital.

Baru-baru ini, ia mengumumkan rancangan untuk menyenaraikan HK Aerospace Beidou New Energy Technology Co Ltd di Bursa Singapura (SGX) melalui pengambilalihan berbalik (RTO) Chaswood Resources Holdings Ltd pada AS$500 juta.

Penyenaraian unit penyimpanan tenaga itu akan membolehkan syarikat memanfaatkan pasaran modal untuk menyokong pelan pengembangan serta penyelidikan dan pembangunannya (R&D).

Techna-X mengunjurkan dapat mencatat sumbangan keuntungan sekali sahaja RM1 bilion daripada langkah RTO itu, katanya.

Beliau berkata, loji penyimpanan tenaga di Wuzhou, China dijangka menjana perolehan berjumlah 30 juta yuan tahun ini.

Pasaran penyimpanan tenaga diunjurkan berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul kira-kira 25 peratus bagi tempoh 2021 hingga 2025 dengan Asia-Pasifik menerajunya.

Beliau berkata, terdapat permintaan kukuh terhadap penyelesaian penyimpanan tenaga dalam pelbagai industri yang sedang berkembang seperti kenderaan elektrik, tenaga boleh baharu, komunikasi tanpa wayar, elektronik perindustrian dan pengguna, kenderaan pengangkutan berat serta bekalan tenaga sokongan.

Lim berkata, pemberhentian sementara operasi perniagaan kok pelogaman yang mengalami kerugian akan membuka laluan untuk pemulihan tahun depan.

Kerugian bersih Techna-X susut kepada RM29.84 juta pada suku ketiga tahun kewangan 2021 daripada kerugian bersih RM35.20 juta yang dicatatkan pada suku yang sama tahun kewangan 2020.

Perolehan meningkat kepada RM13.16 juta daripada RM6.09 juta bagi tempoh yang sama.

BERNAMA